



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan

BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI 2025



Merangka Langkah ke Arah Masa Depan mampan

Bengkel Pembangunan Kapasiti 2025

Disunting oleh:

Nurmaisarah Mohd Asri

Ditulis oleh:

Nurmaisarah Mohd Asri
Siti Shafina Sanusi
Ain Safwanah Sadikin

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) –
Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1 Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

© Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari, 2025

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Pandangan dan pendapat yang diutarakan dalam buku ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan penerbit.

ISBN:

9si Kandungan

Sekalung Penghargaan 5

Prakata 7

Kata Pengantar 9

Kata Aluan 10

01 PENGENALAN BENGKEL

- Latar Belakang **12**
- Objektif Bengkel **13**

02 KERANGKA BENGKEL

- Ringkasan Bengkel **15**
- Pecahan Mengikut Zon & Wilayah **16**
- Aktiviti Bengkel **20**
- Penglibatan Pemimpin Masyarakat **24**

03 DAPATAN BENGKEL

- Inisiatif Agensi **28**
- Analisis Perbincangan Isu **51**

04 PENCAPAIAN BENGKEL

- Senarai Pencapaian **65**

05 CABARAN BENGKEL

- Senarai Cabaran **70**

06 PENUTUP

- Langkah Kedepan **74**

07 LAMPIRAN

- Lampiran A **76**
- Lampiran B **87**



Sekalung Penghargaan

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen, idea kreatif, serta kerjasama yang erat sehingga kejayaan penghasilan buku ini dapat direalisasikan.

Kejayaan ini tidak akan terlaksana tanpa dedikasi dan usaha gigih semua pihak dalam memastikan kualiti dan kelancaran setiap proses. Ribuan terima kasih diucapkan atas sumbangan masa dan tenaga yang tidak berbelah bahagi.

Penghargaan khas ditujukan kepada Dr Teo Lee Ken, Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen dan Nurul Syaza Mazelan, Timbalan Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah menjadi penasihat utama bagi buku ini. Tidak dilupakan juga pasukan penulis dan penyunting yang telah memberikan khidmat terbaik mereka sepanjang penghasilan buku ini.

Pasukan Penulis & Penyunting



Nurmaisarah Mohd Asri
Penyunting,
Pereka Letak dan
Penulis Utama



Siti Shafina Sanusi
Penulis Kandungan 2



Ain Safwanah Sadikin
Penulis Kandungan 3



Nur Afiqah Malik
Pembaca Pruf



**Hirzawati Atikah
Mohd Tahir**
Pembaca Pruf

Pasukan Sokongan

Penyelidik

- Dr. Teo Lee Ken
- Nurul Syaza Mazelan
- Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
- Dr. Thanaraj Murudi
- Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
- Siti Noraiysah Rohim
- Mc Jeanet Lempisik @ Marx
- Lydia Ann Anak Bill
- Nuha Mysara Mohd Hisam
- Nor Amirul Pukin
- Nur Syadhira Mohd Razali
- Syza Bazilah Muhamad Ropi
- Norazura Mohd Nor
- Anthony Tan Kee Huat

Penyelaras Tempatan

- Zariz Firdaus Zainal (Parlimen Bagan Serai)
- Arunagiri Subramanian (Parlimen Petaling Jaya)
- Nor Syahida bt Zol (Parlimen Tumpat)
- Nur Syafiqah Binti Che Mohamad Zulkifli (Parlimen Tanah Merah)
- Rozlan Bin Daud (Parlimen Jeli)
- Mohamad Al Muttaqin Bin Mohamad Zamri (Parlimen Sungai Petani)
- Preveena Balakrishnan (Parlimen Bayan Baru)

Akhir kata, kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, jasa dan pengorbanan anda amat dihargai. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang dikongsikan memberi manfaat yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

Prakata

YB Young Syefura Othman

Wakil Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Bentong



Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan serta komitmen padu dalam menjayakan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan di peringkat Parlimen pada tahun ini. Usaha yang dijalankan ini merupakan satu langkah penting untuk memperkukuh kefahaman, kesedaran dan keupayaan pemimpin serta komuniti dalam mendepani cabaran pembangunan setempat.

APPGM-SDG ditubuhkan dengan mandat untuk membawa agenda pembangunan mampan lebih dekat kepada masyarakat di akar umbi. Melalui bengkel ini, kita telah dapat mengumpulkan pandangan dan aspirasi pelbagai pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan atau badan bukan kerajaan, institusi pengajian dan wakil komuniti agar penyelesaian yang dirangka benar-benar mencerminkan realiti kehidupan rakyat. Prinsip “Tiada Sesiapa yang Tertinggal” menjadi tunjang kepada setiap perbincangan, memastikan bahawa tiada golongan atau lapisan masyarakat yang terpinggir daripada arus pembangunan.

Sehingga kini, sebanyak 24 kawasan Parlimen telah mengambil bahagian secara aktif dalam siri bengkel pembangunan kapasiti ini. Peranan Yang Berhormat Ahli Parlimen amatlah signifikan kerana kesediaan mereka untuk turun padang, berkongsi pandangan, serta mendengar isu-isu yang dihadapi rakyat secara langsung. Penglibatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara pemimpin dan masyarakat, malah membuktikan bahawa kerjasama rentas agensi amat diperlukan bagi mengatasi cabaran kompleks seperti kemiskinan, peluang pekerjaan, kelestarian alam sekitar serta pemberdayaan dan kesejahteraan komuniti.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada APPGM-SDG dan Sekretariat Unit Pembangunan Kapasiti atas kejayaan menganjurkan bengkel ini di pelbagai kawasan Parlimen. Usaha yang berterusan ini telah melahirkan buku yang bukan sekadar dokumen bertulis, tetapi sebuah rujukan penting yang boleh digunakan untuk memperkukuh dasar, merangka intervensi baharu, dan menambah baik pelaksanaan SDG di peringkat setempat.

Akhir kata, saya berharap terbitan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sebagai panduan dan asas tindakan yang lebih konkrit pada masa hadapan. Dengan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat, saya yakin bahawa agenda pembangunan mampan akan dapat dilaksanakan secara inklusif dan berkesan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Kata Pengantar

James Ryan Raj

Wakil Sekretariat
APPGM-SDG



Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, pejabat daerah, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, serta komuniti setempat yang telah memberikan sokongan penuh sepanjang penganjuran bengkel ini.

Secara khusus, saya ingin mengiktiraf peranan besar yang dimainkan oleh Unit Pembangunan Kapasiti APPGM-SDG, terutamanya Siti Shafina Sanusi dan Nurmaisarah Mohd Asri, barisan fasilitator serta pasukan sekretariat yang telah bertungkus-lumus merancang, melaksanakan dan mendokumentasikan dapatan daripada bengkel ini. Kejayaan laporan ini adalah hasil daripada semangat kebersamaan, ketekunan, dan dedikasi seluruh pasukan.

Proses penyediaan laporan ini menuntut kerjasama erat daripada pelbagai pihak. Setiap bengkel bukan sekadar ruang pembelajaran, tetapi juga medan libat urus yang telah menggabungkan pengalaman tempatan dengan rangka kerja global SDG. Daripada sesi diskusi dan simulasi, hingga kepada perbincangan isu yang dijalankan secara bersama antara agensi di peringkat daerah, setiap input telah disusun dengan teliti agar mencerminkan keperluan sebenar di lapangan, di samping memperlihatkan kerjasama erat serta rasa tanggungjawab bersama terhadap isu yang dibincangkan.

Nilai utama laporan ini terletak pada keterlibatan pelbagai pihak yang secara bersama-sama menggerakkan agenda pembangunan mampan di peringkat Parlimen. Ia tidak hanya menjadi rekod pelaksanaan, tetapi juga panduan praktikal bagi semua pihak yang ingin melaksanakan intervensi yang lebih berkesan dan mampan.

Akhir kata, saya berharap laporan ini dapat dijadikan rujukan asas bagi strategi dan program pembangunan yang lebih tersusun pada masa akan datang. Semoga semangat kerjasama yang telah terbina sepanjang bengkel ini dapat diteruskan dan diperkukuh demi kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar, serta masa depan negara yang lebih inklusif.

Dr Teo Lee Ken

Pengarah
Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen
APPGM-SDG



Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada APPGM-SDG dan Sekretariat Unit Pembangunan Kapasiti atas usaha gigih menyediakan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan ini. Buku ini merupakan hasil kerjasama pelbagai pihak dan menjadi satu dokumen penting untuk kita memahami keperluan serta cabaran sebenar yang dihadapi masyarakat di peringkat tempatan.

Buku ini memuatkan gambaran menyeluruh tentang isu-isu utama yang diketengahkan oleh peserta bengkel, termasuklah pembangunan ekonomi setempat, kesejahteraan komuniti, pengurusan alam sekitar, serta pemberdayaan komuniti. Selain itu, ia juga mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal dan bersesuaian dengan konteks setempat, sekali gus menjadikannya sumber rujukan berguna kepada pembuat dasar, agensi pelaksana, serta organisasi masyarakat.

Daripada sudut jabatan penyelarasan kawasan parlimen, dokumen ini sangat relevan kerana ia selaras dengan usaha kami untuk menyokong pelaksanaan pembangunan mampan melalui pendekatan kerjasama antara kerajaan, komuniti dan pihak berkepentingan lain. Buku ini membuktikan bahawa keberhasilan sesuatu program tidak hanya bergantung pada dasar di peringkat pusat, tetapi juga pada keupayaan untuk memahami dan menyelesaikan isu di akar umbi.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak khususnya Ahli Parlimen, pejabat daerah, agensi kerajaan dan peserta bengkel yang telah berganding bahu menjayakan usaha ini. Tanpa sokongan mereka, buku ini tidak akan mampu dihasilkan dengan begitu komprehensif.

Akhir kata, saya menegaskan komitmen jabatan kami untuk terus menyokong pelaksanaan cadangan serta intervensi yang digariskan dalam buku ini. Semoga ia dapat dijadikan asas kepada tindakan konkrit demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara yang lebih inklusif serta mampan.



01

Pengenalan Bengkel

LATAR BELAKANG

Bengkel Pembangunan Kapasiti mengenai Matlamat Pembangunan Mampan merupakan salah satu inisiatif yang telah dijalankan oleh pihak APPGM-SDG bagi menyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke peringkat akar umbi. Program ini berfungsi sebagai jambatan yang menterjemahkan komitmen SDG di peringkat global kepada strategi praktikal di peringkat daerah.

Selaras dengan prinsip '**Tiada Siapa Ketinggalan**', bengkel ini melibatkan agensi kerajaan tempatan, ketua komuniti dan rakan solusi dalam perbincangan untuk mengenal pasti kekangan setempat dan mencadangkan penyelesaian kepada isu komuniti yang terdesak.

Perbincangan ini adalah berlandaskan daripada hasil kajian daripada Ketua Penyelidik APPGM-SDG bagi setiap parlimen, bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan dapatan kajian. Maklum balas daripada sesi libat urus bersama agensi kerajaan peringkat daerah menjadi rujukan bagi mengetahui tindakan semasa agensi dalam menyelesaikan isu terbabit.



OBJEKTIF BENGKEL



A. Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman mengenai SDG 17

Melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kepentingan SDG dan impak keatas perkara sosial, ekonomi dan alam sekitar. Ianya selari dengan usaha agensi kerajaan dan pemegang taruh ke arah intervensi yang lebih berkesan dan sasaran yang tepat.



B. Menggalakkan Kerjasama antara Agensi

Menggalakkan kerjasama dikalangan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, NGO dan sektor swasta untuk memupuk tanggungjawab bersama, mengoptimumkan sumber dan membentuk penyelesaian yang holistik yang disesuaikan dengan keperluan setempat.



C. Mengenalpasti dan Memperkasa Pemimpin Tempatan bagi Menjayakan Penyetempatan SDG

Menyokong pemimpin tempatan, pegawai daerah dan pemimpin komuniti bagi menjayakan inisiatif SDG, memberi inspirasi kepada orang lain dan memacu kearah kesan yang mampan di peringkat akar umbi.



D. Mengintegrasikan Prinsip SDG ke dalam Tadbir Urus dan Rangka Kerja Dasar

Mengintegrasikan nilai SDG ke dalam pembuatan keputusan seharian, tadbir urus, perancangan strategik dan rangka kerja dasar. Ianya akan melibatkan pengutamaan kelestarian, peningkatan kecekapan institusi, pembangunan komuniti dan pengurusan alam sekitar.

Masa depan kita



ATAU



Strategi Pengembangan Kapasitas Kawasan Parlimen 2025



02

Kerangka Bengkel



RINGKASAN BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI TAHUN 2025

Dari bulan Januari hingga September tahun ini, sejumlah 24 bengkel telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Program ini telah mencapai skala nasional yang merangkumi hampir semua zon dan wilayah kecuali Wilayah Sarawak yang mana dijadualkan akan dijalankan pada bulan Oktober. Secara keseluruhan, siri bengkel ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 525 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai wakil agensi di peringkat tempatan dan Persekutuan, NGO serta rakan solusi APPGM-SDG.



PECAHAN MENGIKUT ZON DAN WILAYAH

Dari aspek penglibatan, jumlah keseluruhan peserta yang hadir sehingga September 2025 menunjukkan tahap sambutan yang memberangsangkan. Secara purata, setiap bengkel telah dihadiri oleh bilangan peserta yang konsisten dan seimbang. Pecahan peserta turut menggambarkan kepelbagaian yang signifikan, melibatkan penyertaan kepelbagaian agensi, pertubuhan bukan kerajaan, komuniti setempat serta wakil institusi akademik.

Jadual 1: Senarai Bengkel Pembangunan Kapasiti yang telah dijalankan mengikut zon sehingga September 2025

BIL	KAWASAN PARLIMEN	TARIKH	LOKASI	JUMLAH PESERTA
ZON TENGAH				
1	Hulu Selangor	12 Febuari 2025	Seri Damai Riverside Resort, Hulu Selangor	18 orang
2	Sabak Bernam	2 Julai 2025	De Palma Hotel Kuala Selangor	28 orang
3	Shah Alam	8 Julai 2025	MBSA Convention Centre	18 orang
4	Seputeh	13 Febuari 2025	Vivatel Hotel Kuala Lumpur	35 orang
5	Batu			
6	Bandar Tun Razak			
ZON UTARA				
1	Gopeng	5 Febuari 2025	Grand Kampar Hotel	26 orang
2	Padang Rengas	23 September 2025	Casuarina Kuala Kangsar	18 orang
3	Larut	25 September 2025	Hotel Grand Baron Taiping	28 orang
4	Lumut	15 Mei 2025	DoubleTree	28 orang
5	Kuala Kedah	24 Febuari 2025	RAIA Hotel Alor Setar	33 orang
6	Padang Terap	28 Mei 2025	RAIA Hotel Alor Setar	40 orang
7	Balik Pulau	12 Jun 2025	Amari Spice Hotel Penang	26 orang

BIL	KAWASAN PARLIMEN	TARIKH	LOKASI	JUMLAH PESERTA
ZON SELATAN				
1	Port Dickson	4 Febuari 2025	Lexis Hibiscus Port Dickson	21 orang
2	Jempol	29 Julai 2025	Klana Resort, Seremban	18 orang
3	Jasin	31 Julai 2025	AMES Hotel, Melaka	35 orang
4	Batu Pahat	21 Ogos 2025	The Katerina Hotel, Batu Pahat	42 orang
5	Sri Gading			
ZON PANTAI TIMUR				
1	Kota Bharu	26 Febuari 2025	Renai Hotel Kota Bharu	18 orang
2	Pasir Puteh	22 April 2025	Tok Aman Bali Beach Resorts	21 orang
3	Besut	24 April 2025	Bukit Keluang Beach Resorts	22 orang
4	Maran	17 Julai 2025	Swiss-Belhotel Kuantan	23 orang
WILAYAH SABAH				
1	Tuaran	12 Ogos 2025	Lintas Platinum Hotel Kota Kinabalu	16 orang
2	Putatan	13 Ogos 2025	Lintas Platinum Hotel Kota Kinabalu	39 orang
JUMLAH KESELURUHAN				525 ORANG

24 KAWASAN PARLIMEN


Bengkel Pembangunan Kapasiti Matlamat Pembangunan Mampan

(Januari - September 2025)



Wilayah Sabah (2/4)

- > Putatan
- > Tuaran



NOTA

Berikut merupakan 8 kawasan Parlimen yang masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan selesai menjelang akhir tahun 2025.

- Stampin, Sarawak
- Lubok Antu, Sarawak
- Labuan, Sabah
- Semporna, Sabah
- Segamat, Johor
- Pulai, Johor
- Padang Rengas, Perak
- Teluk Intan, Perak

4 Aktiviti Sepanjang Bengkel

Bermula dengan pengenalan sehingga kepada perbincangan cadangan penyelesaian, aktiviti-aktiviti ini merupakan kesinambungan daripada lawatan pemetaan isu dan sesi libat urus bersama agensi di sesebuah kawasan Parlimen.

#1 Pengenalan



Pepatah lama menyebut '**tak kenal maka tak cinta**', maka sesi pengenalan ini dirancang bukan sahaja untuk membina hubungan baik antara peserta, malah bersama pihak Sekretariat APPGM-SDG.

Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, beberapa aktiviti interaktif telah dirancang. Antara yang dilaksanakan ialah BINGO, Kahoot dan permainan belon untuk menjadikan sesi ini lebih menarik. Semuanya disusun supaya peserta boleh berkenalan, bergerak, dan belajar pada masa yang sama.



#2 Pemetaan SDG

Amat rugi sekiranya inisiatif-inisiatif menarik yang dirancang oleh setiap agensi hanya tersimpan dalam buku laporan tanpa dikongsi secara meluas.

Justeru, sesi ini diwujudkan khas untuk memberikan platform kepada wakil-wakil agensi berkongsi kejayaan dan impak program masing-masing.



#3 Perbincangan

Seterusnya, sesi ini beralih kepada bahagian yang paling penting dalam bengkel ini iaitu perbincangan antara agensi untuk menyelesaikan isu setempat. Sesi ni dimulakan dengan pembentangan oleh ketua penyelidik yang berkongsi dapatan daripada lawatan pemetaan isu yang telah dijalankan.

Setiap kumpulan dapat menyelami isu dengan lebih mendalam dan mencambahkan idea-idea yang bernas dan praktikal.





#4 Ikrar

Sebagai kemuncak kepada komitmen bersama, semua wakil agensi yang hadir bersama-sama membacakan ikrar. Ikrar ini menjadi bukti kesediaan mereka untuk bekerjasama dan memikul tanggungjawab bersama ke arah mencapai 17 matlamat SDG.

IKRAR

Sebagai Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan, kami berikrar;

- 1. Menjadikan kemampunan sebagai keutamaan dalam kehidupan seharian kami,*
- 2. Sentiasa memilih jalan yang meningkatkan kualiti hidup diri kami, keluarga dan komuniti, tanpa mengira latar belakang agama, politik, bangsa atau pendapat,*
- 3. Kami faham bahawa tindakan, tingkah laku dan pilihan kami memberi kesan kepada masyarakat, alam sekitar dan ekonomi negara dan*
- 4. Memastikan tiada siapa di dalam komuniti kami yang tertinggal.*

Penglibatan Pemimpin Masyarakat

Gerak kerja APPGM-SDG telah memperoleh sokongan dan komitmen yang memberangsangkan daripada para Pemimpin Masyarakat yang terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Pegawai Daerah yang hadir sepanjang program berlangsung. Keprihatinan dan penglibatan aktif mereka bukan sekadar menyemarakkan lagi usaha mempromosikan SDG, malah jelas menunjukkan pendekatan berpaksikan rakyat dan kerjasama erat antara pihak berkepentingan.

Ahli Parlimen



**YB Datuk Ir.
Shahelmey Yahya**

Ahli Parlimen
P.173 Putatan

*Bengkel
Parlimen Putatan*



**YB Komander
Nordin Ahmad Ismail**

Ahli Parlimen
P.074 Lumut

*Bengkel
Parlimen Lumut*



**YB
Nurul Amin Hamid**

Ahli Parlimen
P.007 Padang Terap

*Bengkel
Parlimen Padang Terap*

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



**YB Datuk
Mohd Faizal Ramli**

ADUN Linggi,
Negeri Sembilan

*Bengkel
Parlimen Port Dickson*



**YB
Shaari Mat Yaman**

ADUN Bunut Payong,
Kelantan

*Bengkel
Parlimen Kota Bharu*



**YB
Mardhiyyah Johari**

ADUN Pengkalan
Kundur, Kedah

*Bengkel
Parlimen Kuala Kedah*



**YB Dato'
Azrul Mahathir Aziz**

ADUN Bayan Lepas,
Pulau Pinang

*Bengkel
Parlimen Balik Pulau*

Pegawai Daerah



**Datuk
Rahizi Ranom**

Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan
Tanah Jasin

*Bengkel
Parlimen Jasin*



**Dato'
Rosli Halim**

Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan
Tanah Barat Daya

*Bengkel
Parlimen Balik Pulau*



**Dato' Haji
Hakim Ariff Md Noor**

Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan
Tanah Kota Setar

*Bengkel
Parlimen Kuala Kedah*



**Puan
Nurhazelin Makli**

Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan
Tanah Port Dickson

*Bengkel
Parlimen Port Dickson*



**Puan Hajah
Sharifah
Norulasyikhah Syed
Mohamad**

Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan
Tanah Padang Terap

*Bengkel
Parlimen Padang Terap*



**Dato'
Khairun Nissa Aris**

Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan
Tanah Maran

*Bengkel
Parlimen Maran*



03

Dapatan
Bengkel



INISIATIF AGENSI

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat parlimen.



Inisiatif semasa ini merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian wakil-wakil agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Berikut merupakan beberapa contoh inisiatif semasa agensi dan hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 *Pillars SDG* dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi.



Pillar 1

Manusia *#People*



Memberi tumpuan kepada **pembasmian kemiskinan dan kelaparan**, serta memastikan semua orang dapat merealisasikan potensi diri dalam keadaan bermaruah dan sama rata serta dalam persekitaran yang sihat.



MATLAMAT YANG BERKAITAN



Membasmi semua bentuk kemiskinan di seluruh dunia



Menghentikan masalah kelaparan, mencapai sasaran keterjaminan makanan dan pemakanan yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan



Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur



Memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua



Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua golongan wanita

Platform E-kasih

Agensi: Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Padang Rengas



Sistem eKasih, Pangkalan Data Kemiskinan Nasional kerajaan, merupakan sebuah platform yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program atau bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program atau bantuan yang diterima.

Di Kuala Kangsar, Pejabat Daerah dan Tanah melalui penghulu mukim akan mengenalpasti AIR mengikut 2 kategori utama iaitu miskin dan miskin tegar. Bantuan yang diberikan adalah komprehensif. Selain bantuan kewangan seperti dari Baitulmal, Bantuan Khas Kewangan (BKK), Kad Perak Sejahtera dan rebat TNB, penerima juga dilatih dengan pelbagai kemahiran untuk memastikan mereka mampu berdikari. Usaha ini adalah selari dengan pepatah Cina yang menyebut, *"Bila anda beri seseorang ikan, maka anda memberinya makan untuk satu hari tetapi bila anda ajar seseorang itu memancing, maka anda akan memberinya makan seumur hidup."*

Keberkesanan pendekatan ini terbukti menerusi kisah penerima yang dikongsikan daripada wakil Pejabat Penghulu Mukim Cegar Galah. Dengan bantuan geran pemula dari Baitulmal yang disalurkan melalui sistem eKasih, beliau berjaya mengubah hidupnya. Dari individu yang dikenalpasti miskin tegar, beliau mengambil peluang untuk berkecimpung dalam bidang penternakan lebah kelulut. Usaha gigihnya membuahkan hasil. Kini beliau merupakan seorang usahawan berjaya yang mengusahakan sebanyak 60 buah rumah kelulut, sekaligus menjana pendapat yang kukuh untuk keluarganya.



Gambar sekadar hiasan

Sumber: Google

Program Pemilikan Jentera Kecil & Sederhana

Agensi: Lembaga Pertubuhan Peladang & Jabatan Pertanian

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Balik Pulau



SDG 2

Keterjaminan makanan menjamin akses kepada bekalan makanan yang mencukupi dan berkekalan. Bagi memastikan bekalan makanan asas seperti beras tidak terjejas, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPK) telah melaksanakan inisiatif geran padanan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian.

Di Balik Pulau, geran ini telah diberikan menyasarkan pembelian jentera kecil mudah alih untuk Estet Padi PPK Seri Pulau Barat Daya. Dengan **nisbah 70:30**, LPP menanggung 70% kos pembelian, manakala peserta hanya perlu membayar baki 30%, dengan had pembelian antara **RM20,000 hingga RM25,000**.

Setakat ini, **50 peserta** di kawasan Barat Daya telah menerima manfaat geran ini. Bantuan ini membolehkan petani memiliki jentera moden, seterusnya meningkatkan kualiti penjagaan tanaman padi, hasil tuaian, pendapatan petani, dan akhirnya menyumbang kepada bekalan beras negara yang lebih stabil.



> Majlis Penyerahan Geran Pemadanan Program Pemerkasaan Usahawan Peladang 'RISE-UP' Pulau Pinang

Sumber: Portal Rasmi Lembaga Pertubuhan Peladang (2023)

Inisiatif Kesihatan Ibu dan Anak

Agensi: Pejabat Kesihatan Daerah
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Padang Terap



SDG 3

Inisiatif Kesihatan Ibu dan Anak

Inisiatif ini dilaksanakan bagi mengurangkan kematian ibu dengan kadar <70 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran bayi. Di Padang Terap, tiada kematian ibu sewaktu bersalin dicatatkan. Selain itu, antara tindakan-tindakan lain yang diambil ialah:

1. Memastikan kelahiran selamat (bayi disambut oleh bidan terlatih) - Padang Terap merekodkan 100% kelahiran selamat
2. Pelaksanaan *Pre-pregnancy Clinic*
3. Pelaksanaan program perancang keluarga – Padang Terap berjaya mencapai 20% perancangan keluarga
4. Penjagaan kesihatan maternal yang berkendiri

Mengurangkan Kematian Kanak-kanak

Pejabat Kesihatan Daerah komited dalam mengurangkan kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun yang boleh dicegah (sekurang-kurangnya <5.6 bagi setiap 1,000 kelahiran) menjelang 2030. Dalam konteks Padang Terap, penurunan kadar kematian bagi kanak-kanak bawah 5 tahun berjaya dicapai pada kadar 2.56 bagi setiap 1,000 kelahiran. Antara tindakan lain yang diambil oleh Pejabat Kesihatan ialah:

1. Meningkatkan liputan imunisasi kanak-kanak (MMR, DPT 3, PCU 3)
2. Imunisasi HPV pada usia 13 tahun – di Padang Terap, kadar imunisasi berjaya mencapai >95%
3. Mengurangkan kes bantut kanak-kanak melalui Program Bakul Makanan
4. Meningkatkan akses kepada rawatan pediatrik

Pemberian Wang Saku

Agensi: Jabatan Kemajuan Orang Asli

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Port Dickson



SDG 4

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menyalurkan wang saku sebanyak RM4 sehari kepada pelajar Orang Asli di peringkat sekolah menengah. Jumlah ini dianggarkan sekitar RM70 hingga RM80 sebulan, bergantung kepada jumlah hari persekolahan.

Tujuan bantuan ini adalah untuk menggalakkan kehadiran ke sekolah di samping meringankan beban kewangan untuk pelajar menampung keperluan harian mereka seperti makanan, alat tulis atau perbelanjaan kecil lain.

Program Penjanaan Pendapatan

Agensi: Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Padang Terap



SDG 5

PPWNK turut mengadakan pelbagai program penjanaan pendapatan untuk wanita supaya golongan wanita khususnya yang tergolong dalam golongan B40 dapat menjana pendapatan mereka demi kelangsungan hidup. Contoh program yang dijalankan oleh PPWNK dalam membantu golongan wanita meningkatkan pendapatan mereka adalah:

- Kelas Seni Kraftangan Tepung Jagung (29 Mei 2025)
- Kelas Pizza Homemade (16 April 2025)
- Kelas Dekorasi Pelamin dan Gubahan Bunga Tangan (19 Mei 2025)
- Bengkel Usahawan Digital (30 April 2025)
- Kelas Bimbingan Perniagaan Bizclinic (5 Februari 2025)

Bukan setakat itu sahaja, Jabatan Pembangunan Wanita Malaysia juga mengadakan program khas untuk pemerkasaan ibu tunggal iaitu Program Kasih Ibu Tunggal yang mengetengahkan tiga modul utama meliputi Modul Pengurusan Kewangan, Modul Kemahiran Perundangan dan Modul Pembangunan Potensi. Program ini dilaksanakan di 6 zon yang terpilih seluruh Malaysia termasuklah di Kedah.

PILLAR 2

Planet *#Planet*





MATLAMAT YANG BERKAITAN



Memastikan ketersediaan dan kelestarian pengurusan air dan sanitasi untuk semua



Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan



Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya



Memulihara dan menggunakan sumber lautan, laut dan marin secara mampan untuk pembangunan mampan



Melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan lestari ekosistem daratan, menguruskan hutan secara lestari, membanteras pengurusan, menghentikan dan memulihkan kemerosotan tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti

Projek Pengurangan Air Tidak Berhasil

(Non-revenue Water)

Agensi: Jabatan Air Negeri Sabah
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Putatan & Tuaran



SDG 6

Isu Air Tidak Berhasil (NRW) merupakan satu ancaman serius kepada keselamatan air di Sabah, mendorong Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) melaksanakan pelbagai program bagi menurunkan kadar NRW kepada 40 peratus.

Berdasarkan kenyataan Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Kerja Raya, Datuk Ir. Shahelmey Yahya, JANS telah menunjukkan kemajuan positif dengan berjaya mengurangkan kadar NRW daripada 60 peratus kepada 56 peratus

Dua cabaran utama yang dihadapi JANS untuk menangani isu ini:

Sambungan Paip Haram

Penyambungan paip air secara tidak sah ke sistem bekalan air negeri merupakan punca utama gangguan bekalan dan menyumbang kepada kehilangan 60 peratus air di Sabah. Banyak operasi pemotongan sambungan haram dijalankan setiap bulan, namun paip itu tetap disambung semula oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Gangguan di Peringkat Pengeluaran

Di peringkat loji rawatan air (LRA), proses rawatan air sering terganggu oleh fenomena alam seperti hujan lebat, banjir, dan tahap kekeruhan air yang tinggi. Keadaan ini memaksa loji ditutup buat sementara waktu sehingga kualiti air mentah kembali berada dalam julat yang selamat untuk dirawat.



> YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya hadir menyantuni peserta di Bengkel Pembangunan Kapasiti bagi Parlimen Putatan.

Projek Asal Barang Jadi Duit

Agensi: Majlis Perbandaran Jasin

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Jasin



SDG 12

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) menunjukkan komitmennya terhadap kelestarian alam melalui program kitar semula berkala, "Asal Barang Jadi Duit". Program kreatif ini tidak hanya menggalakkan amalan kitar semula, malah memberi insentif finansial kepada komuniti dengan menukar barangan terpakai menjadi sumber pendapatan sampingan.

Berikut merupakan harga pembelian barangan kitar semula:

- Minyak masak terpakai (RM3.00 sekilogram (kg))
- E-Waste (RM0.30/kg)
- Fabrik/tekstil (RM0.05/kg)
- 3R (kertas, aluminium dan lain-lain) akan mengikut kadar semasa oleh KITARecycle

Pada program yang diadakan pada 16 Ogos 2025 lalu, MPJ berjaya mengumpul sejumlah besar sisa kitar semula, mencecah 4,707.5 kilogram (kg) secara keseluruhan. Berikut adalah pecahan kutipan yang berjaya dikumpulkan:

- Minyak Masak Terpakai: 2,045 kg
- Sisa Fabrik/Tekstil: 858 kg
- Bahan 3R (kertas, plastik, aluminium): 736 kg
- Bahan Bacaan Agama: 352 kg
- Al-Quran Terpakai: 254 kg
- E-Waste: 462.5 kg



> Antara barangan kitar semula yang berjaya dikumpulkan.

Sumber: Facebook Majlis Perbandaran Jasin

Projek Penggulungan Jerami

Agensi: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Kuala Kedah



SDG 13

Satu inisiatif guna semula jerami padi yang dilaksanakan di kawasan *Muda Agricultural Development Authority* (MADA) berjaya mengubah sisa pertanian menjadi sumber pendapatan tambahan petani, sekaligus menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar. Dari tahun 2021 hingga 2023, pengeluaran jerami padi di kawasan MADA yang merangkumi kawasan Kedah dan Perlis berjaya mencapai 15,000 tan dengan nilai jualan sebanyak RM3 juta. Ini membuktikan potensi komersial yang ketara dalam pengurusan sisa pertanian.

Antara manfaat lain projek ini ialah

- **Meningkatkan pendapatan petani** melalui penjualan jerami padi sebagai bahan makanan ternakan dan produk sampingan
- **Mengurangkan pembakaran jerami secara terbuka** yang boleh menyebabkan pencemaran udara
- **Mengelakkan insiden kemalangan jalan raya** akibat asap tebal dari pembakaran
- **Menjimatkan kos operasi** pengurusan sawah petani

Pesawah yang terlibat dalam projek ini dan bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam aktiviti penggulungan jerami padi akan menerima perkhidmatan pemotongan tunggul padi atau '*slashing*' secara percuma. Inisiatif ini membantu menjimatkan kos operasi pengurusan sawah sebanyak RM70 per hektar, di samping memberikan sumber pendapatan tambahan kepada pesawah.



> Pameran Jerami Castle 2024 bertempat di Sungai Kering, Yan Kedah.


Sumber: Facebook Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

Melabuh Tukun Tiruan Kuboid Juvenil

Agensi: Jabatan Perikanan Negeri Terengganu

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Besut



SDG 14

Tukun merupakan suatu struktur binaan manusia yang diletakkan di dasar laut bertujuan untuk menambah kepadatan sumber marin. Pada September tahun ini, sebanyak 20 unit Tukun Tiruan Kuboid Juvenil Penghalang Pukat Tunda (Rekreasi) telah berjaya dilabuhkan di Perairan Beting Lintang, Besut. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan menghalang aktiviti pukat tunda haram di kawasan pesisir pantai, di samping memulihara habitat marin serta menyokong pembangunan perikanan rekreasi di perairan setempat.



> Proses melabuhkan Tukun Tiruan Kuboid oleh Jabatan Perikanan

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri Terengganu

Pembuatan *Effective Microorganisms* (EM) Mudball

Agensi: Majlis Daerah Maran

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Maran



SDG 15

Pada 9 Mei 2025, Majlis Daerah Maran telah mengadakan hari 'Cintai Tasik Kita' bagi membersihkan dan memelihara ekosistem air di Taman Tasik Maran. Antara aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah pembuatan *EM Mudball* atau turut dikenali sebagai bebola lumpur, membuang tumbuhan teratai liar yang terdapat di dalam tasik serta membersihkan kawasan tasik dan kawasan rekreasi berhampiran tasik.

Pembuatan bebola lumpur sangat penting bagi menjaga kelestarian tasik kerana ia bertindak sebagai agen pembersih semula jadi. Bebola lumpur tidak merosakkan ekosistem, malah membantu memulihkan keseimbangan ekologi air dan tanah. Dalam aktiviti ini, bebola lumpur yang mengandungi *Effective Microorganisms* (EM) akan dibaling ke dalam air. Mikroorganisma ini membantu memecahkan bahan organik yang tercemar dan mengurangkan bau busuk serta lumpur hitam di dasar air.

PILLAR 3

Kemakmuran

#Prosperity

Berusaha untuk **memastikan semua manusia dapat menikmati kehidupan yang makmur** serta kemajuan ekonomi, sosial dan teknologi berlaku dalam harmoni dengan alam.

MATLAMAT YANG BERKAITAN



Memastikan akses kepada tenaga mampu milik, boleh dipercayai, lestari dan moden untuk semua



Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan lestari, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua




Membangunkan infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta merangsang inovasi



Mengurangkan ketaksaksamaan dalam negara dan antara negara



Menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan



Retrofit Lampu Jalan

Agensi: Majlis Perbandaran Hulu Selangor
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Hulu Selangor



SDG 7

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah melaksanakan pelbagai inisiatif teknologi hijau bagi merealisasikan visinya sebagai sebuah bandar selamat dan rendah karbon, selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pada tahun 2021, MDHS menerima **peruntukan sebanyak RM30,000** daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) melalui Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor.

Peruntukan ini telah digunakan untuk pemasangan 16 unit lampu solar yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan MDHS. Lampu-lampu ini dipasang di kawasan awam seperti hentian bas Kuala Kubu Bharu dan beberapa lorong belakang di seluruh daerah.

MDHS meneruskan komitmennya pada tahun 2022 dengan memperkenalkan **Geran Khas Komuniti Mampan MDHS**. Geran ini diperuntukkan kepada **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Penduduk, institusi pendidikan, dan pertubuhan agama** untuk pemasangan lampu LED dan solar di kawasan setempat.

Usaha MDHS dalam pembangunan teknologi hijau sebenarnya telah bermula lebih awal. Pada tahun 2020, Jabatan Kejuruteraan MDHS telah memasang 57 lampu solar di sepanjang jalan utama dan tapak pasar malam di daerah Hulu Selangor.



> Lampu solar

Geran Agropreneur Muda

Agensi: Kementerian Pertanian dan
Keterjaminan Makanan

Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Pasir Puteh



SDG 8

Geran ini merupakan inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kepada belia yang mana ia dibahagikan kepada dua kategori iaitu *Start-Up* dan *Scale-Up*. Bagi kategori *Start-Up*, ia merupakan bantuan yang diberikan kepada mereka yang berada di fasa permulaan sesebuah perniagaan di mana fokus utama bantuan ini adalah untuk membina model perniagaan yang maju.

Geran ini diberi dalam bentuk barangan dan nilai maksimum bagi kategori *Start-Up* ini adalah sehingga RM30,000.00 per individu bagi projek Haluan pertanian yang merangkumi aktiviti penanaman, penternakan dan perikanan. Selain dari itu, sebanyak RM20,000.00 diberikan bagi projek Industri Makanan dan Asas Tani.

Manakala bagi kategori *Scale-Up* pula, ia adalah satu program bantuan pengembangan daripada kerajaan kepada penerima Geran Agropreneur Muda yang melaksanakan projek huluan pertanian (tanaman/ ternakan/ perikanan). Geran ini diberi dalam bentuk barangan dengan nilai maksimum sehingga RM50,000.00 per individu bagi membiayai perolehan agroteknologi, mekanisasi dan automasi terkini.

Setakat ini daripada tahun 2019 sehingga 2024 pelaksanaan Geran Agropreneur Muda (GAM), terdapat 15 orang peserta daripada Pasir Puteh, Kelantan yang telah menerima geran ini.



> Lawatan pemeriksaan bagi membuat pengesahan pembekalan barangan yang dibekalkan kepada petani yang telah lulus permohonan di Kampung Gong Kala, Pasir Puteh.

Sumber: Facebook Pejabat Pertanian Jajahan Pasir Puteh Kelantan

Projek Pembinaan Jalan Baharu dari Kamunting ke Anak Kurau

Agensi: Jabatan Kerja Raya
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Larut



SDG 9

Projek pembinaan jalan ini melibatkan pembinaan laluan baharu sepanjang 6.6 kilometer yang menghubungkan Kampung Anak Kurau ke laluan A7 (Jalan Taiping–Selama). Projek dengan peruntukan sebanyak RM73 juta ini dijangka akan selesai tahun hadapan (2026). Dengan siapnya projek ini, jalan baharu ini dijangka mampu mengurangkan jarak perjalanan penduduk Kampung Anak Kurau sebanyak 15.4 kilometer dan menjimatkan masa perjalanan kira-kira 15 minit untuk ke Bandar Kamunting.

Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan

Agensi: Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah Daerah
Kuala Kangsar
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Padang Rengas



SDG 10

Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah (RISDA) memperkenalkan bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) bagi membantu pekebun kecil menjana pendapatan tambahan sementara menunggu pokok getah matang. **Bantuan one-off bernilai RM20,000 dalam bentuk harta benda** ini bertujuan membolehkan pekebun kecil mengembangkan aktiviti ekonomi dalam pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, makanan, pembuatan dan pertanian. Menurut wakil RISDA, program AET mensasarkan pekebun kecil mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya **RM2,500 sebulan** semasa menunggu tempoh matang pokok getah yang biasanya mengambil masa **5 tahun**.

Setakat Ogos 2025, program AET telah menunjukkan pencapaian memberangsangkan:

- 375 orang penerima telah mendapat manfaat AET
- 100 orang pekebun kecil berjaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan



> Lawatan Projek AET Ternakan Madu Kelulut

Sumber: Facebook Pejabat RISDA Daerah Kuala Kangsar

Penyediaan Rumah Mampu Milik

Agensi: Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

Bengkel Pembangunan Kapasiti:

Parlimen Balik Pulau



SDG 11

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) menyasarkan untuk menyediakan sebanyak 220,000 unit rumah mampu milik menjelang 2030. Sepuluh peratus daripada jumlah ini iaitu 22,000 unit disalurkan melalui kaedah sewa beli di bawah Skim Sewa Beli (Rent-to-Own).

Kini setakat 2025, LPNPP telah menyediakan sebanyak 163,310 unit rumah mampu milik yang bersamaan dengan 74.23% daripada sasaran. Bagi rumah sewa beli pula, setakat ini, sebanyak 4,544 unit telah disediakan yang bersamaan dengan 20.65% daripada jumlah sasaran.



> Laguna Bay Residence merupakan salah satu daripada Mutiaraku C3 (maksima RM 300,000) yang telah dibina di daerah Barat Daya

Sumber: Portal Rasmi Lembaga Perumahan Pulau Pinang

PILLAR 4

Keamanan *#Peace*



Menggalakkan masyarakat yang aman, adil, dan inklusif, bebas daripada ketakutan dan keganasan dengan memperkukuh institusi kebangsaan dan global serta memastikan akauntabiliti.

MATLAMAT YANG BERKAITAN

Matlamat ini bertujuan membina persekitaran yang aman dan adil, di mana setiap individu saling menghormati antara satu sama lain.



Pegawai Perhubungan Sekolah dan Rumah Ibadat

Agensi: Polis Diraja Malaysia
Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Jempol



SDG 16

Dalam usaha proaktif membendung jenayah dan membina hubungan lebih erat dengan komuniti, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan dua inisiatif utama: penempatan **Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)** di setiap sekolah, dan pelantikan **Pegawai Perhubungan di rumah-rumah ibadat**.

Melalui program PPS, sekurang-kurangnya seorang pegawai polis ditugaskan untuk berhubung rapat dengan setiap sekolah. Peranan utama PPS adalah:

- **Pencegahan Jenayah:** Mencegah kes buli dan lain-lain kes jenayah yang melibatkan pelajar.
- **Pendidikan dan Kesedaran:** Memberi pendedahan dan kesedaran tentang undang-undang.

Pada masa sama, PDRM turut melantik pegawai perhubungan di gereja, kuil, tokong dan lain-lain rumah ibadat. Tujuannya adalah:

- Meningkatkan kesedaran tentang jenayah, terutamanya jenayah siber dan penipuan (*scam*) dalam talian.
- Memudahkan **penyaluran maklumat jenayah** daripada masyarakat kepada polis.
- **Meningkatkan kepercayaan** rakyat terhadap PDRM.

Berdasarkan perkongsian daripada wakil agensi, di daerah Jempol sahaja, kerugian kewangan sebanyak RM3.6 juta telah direkodkan akibat jenayah scam dari Januari hingga Julai 2025.



> Program 'High Profile Policing PDRM bersama Ummah' yang telah dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jempol.

Sumber: Facebook Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol

PILLAR 5

Perkongsian

#Partnership

Menekankan perkongsian global yang diperbaharui untuk pembangunan mampan, dengan menggerakkan cara pelaksanaan yang diperlukan melalui kolaborasi dan kerjasama.

MATLAMAT YANG BERKAITAN

17 PERKONGSIAN
UNTUK MATLAMAT



Matlamat ini bertujuan memperkukuhkan kerjasama semua agensi dan komuniti dalam menangani cabaran yang dihadapi di peringkat tempatan.

Pemindahan Mangsa Banjir

Agensi: Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Bengkel Pembangunan Kapasiti:
Parlimen Sri Gading & Batu Pahat



SDG 17

Angkatan Pertahanan Awam (APM) telah bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta penghulu dan ketua kampung untuk mengeluarkan penduduk-penduduk yang terjejas banjir ke pusat pemindahan sementara

Sebagai contoh, pada Julai 2025, satu kejadian banjir kilat berpunca daripada ban pecah telah melanda Kampung Parit Berong Laut. Seramai 12 keluarga (37 orang penduduk) berjaya dipindahkan dengan selamat ke Pusat Transit Sementara.



> Ban pecah di Kampung Parit Berong Laut susulan kejadian ribut dan banjir besar

Sumber: Facebook JPS Daerah Batu Pahat

Analisis Perbincangan Isu

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Isu-isu tersebut telah dipecahkan kepada 3 dimensi iaitu Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar.



KRITERIA PEMILIHAN ISU

Secara lazimnya, bengkel ini memfokuskan perbincangan kepada tiga isu utama. Namun, pemilihan isu adalah suatu proses yang dinamik dan terdapat pertimbangan tertentu yang menyebabkan sesuatu isu mungkin tidak dibincangkan. Berikut adalah kriteria utama yang digunakan dalam proses pemilihan isu:



> Pengutamaan Isu

Isu-isu yang telah diketengahkan dan diutamakan oleh Ahli Parlimen semasa sesi perbincangan pengutamaan isu dijalankan.

Usul Pegawai Daerah <

Isu yang diusulkan secara langsung oleh Pegawai Daerah berdasarkan pengetahuan mendalam tentang keperluan dan cabaran setempat semasa sesi libat urus antara agensi dijalankan.



> Cadangan Penyelidik

Isu yang dikenal pasti oleh pasukan penyelidik berdasarkan analisis dan pemerhatian terperinci semasa lawatan kerja pemetaan isu di lapangan.

Kehadiran Agensi <

Suatu isu memerlukan perkongsian input dan komitmen tindakan daripada agensi berkaitan. Justeru, sekiranya kehadiran wakil agensi adalah rendah dan tiada agensi utama/pemegang taruh hadir, maka perbincangan untuk isu berkenaan tidak akan diteruskan bagi memastikan keberkesanan hasil perbincangan.



Sosial

Bagi dimensi sosial pula, sebanyak 9 isu telah dibincangkan dan 14 cadangan penyelesaian yang dikategorikan seperti berikut:

- Kesedaran dan Pemerkasaan Masyarakat
- Perancangan dan Pembangunan
- Penguatkuasaan
- Polisi dan Dasar

Dibawah dimensi ini, fokus perbincangan banyak tertumpu kepada isu-isu berkaitan golongan belia termasuk isu gejala sosial dan penyalahgunaan dadah, penghijrahan belia ke bandar untuk mencari pekerjaan dan pemerksaan belia melalui sektor pendidikan dan kemahiran.

Majoriti cadangan penyelesaian tertumpu dalam kategori Kesedaran dan Pemerksaan Masyarakat, dengan 4 isu dan 6 penyelesaian dicadangkan. Kesemua cadangan ini dianggarkan dapat dilaksanakan dalam jangka masa pendek, iaitu kurang daripada satu tahun. Keberkesanan pelaksanaan ini dapat dicapai melalui program-program berbentuk kempen kesedaran yang tidak memerlukan persediaan rumit dan boleh dijalankan secara dalam talian. Sebagai contoh, di Parlimen Kuala Kedah, satu kempen kesedaran berterusan telah dicadangkan untuk menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia, komuniti nelayan dan petani.

Dalam kategori Polisi dan Dasar, terdapat 4 isu dengan 4 penyelesaian yang diutarakan. Tiga daripada empat penyelesaian ini memerlukan jangka masa panjang untuk dilaksanakan, manakala satu lagi bersifat sederhana. Contohnya, di Parlimen Putatan, dasar '*Zero Setinggalan*' telah dibangkitkan untuk menangani isu kekurangan rumah PPR dan pertumbuhan kawasan setinggalan. Pelaksanaan dasar ini memerlukan tempoh yang panjang melebihi lima tahun memandangkan kerumitan isu setinggalan di Sabah yang melibatkan pertimbangan seperti penempatan semula, hak milik tanah, dan status kewarganegaraan.

Secara keseluruhan, pendekatan penyelesaian dalam dimensi sosial menunjukkan keseimbangan antara intervensi jangka pendek melalui program kesedaran dan transformasi jangka panjang melalui perubahan dasar. Gabungan kedua-dua pendekatan ini penting dalam menangani isu-isu sosial yang kompleks, terutamanya yang melibatkan kesejahteraan dan masa depan golongan belia negara.

Jadual 2: Senarai isu dan cadangan penyelesaian bagi dimensi sosial

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - SOSIAL					
KESEDARAN DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT	Tengah	Hulu Selangor	Gejala sosial yang semakin meningkat	Program bersepadu rakyat	Pendek
		Seputeh	Pemahaman & penglibatan komuniti terhadap bidang kuasa agensi	Mempromosikan bidang kuasa agensi kepada masyarakat	Pendek
				Meningkatkan kapasiti kemudahan maklumbalas	Pendek
		Batu		Memberi kesedaran & memperkasakan komuniti setempat	Pendek
		Bandar Tun Razak			
	Utara	Kuala Kedah	Penyalahgunaan dadah	Kempen kesedaran berterusan	Pendek
	Selatan	Port Dickson	Pembangunan belia yang terhad	Penganjuran karnival kerjaya	Pendek
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	Tengah	Hulu Selangor	Gejala sosial yang semakin meningkat	Mewujudkan hub belia	Panjang
	Selatan	Jasin	Isu penghijrahan belia	Pembangunan bandar baru & tanah terbiar	Panjang
PENGUATKUASAAN	Utara	Kuala Kedah	Penyalahgunaan dadah	Operasi bersepadu	Pendek
	Selatan	Jasin	Isu media sosial & dadah	Sekatan kedai vape & media sosial	Pendek

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - SOSIAL					
POLISI DAN DASAR	Utara	Kuala Kedah	Penyalahgunaan dadah	Modul khas pendidikan kemahiran	Panjang
		Padang Terap	Pendidikan dan kemahiran belia	Memperkasa latihan dan pusat kemahiran (kerjasama dengan institusi sedia ada)	Panjang
	Sabah	Putatan	Kekurangan rumah PPR & pertumbuhan setinggan	Melaksanakan dasar 'Zero Setinggan'	Panjang
			Cabaran pusat penjagaan warga emas	Memperkukuh latihan penjagaan	Sederhana

Ekonomi

Sebanyak 11 isu telah dibincangkan dan 29 penyelesaian telah dicadangkan dibawah dimensi ini. Perbincangan banyak memfokuskan kepada dua isu utama iaitu **kenaikan kos sara hidup** dan **peluang pekerjaan yang terhad**.

Tumpuan cadangan adalah dalam kategori **perancangan dan pembangunan kawasan**. Daripada 29 cadangan yang diutarakan, sebanyak 22 cadangan diletakkan dibawah kategori ini. Sebagai contoh, bagi meningkatkan sektor ekonomi dan peluang pekerjaan di Maran, para peserta telah mencadangkan untuk menjadikan Maran sebagai *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)*, membangunkan industri pelancongan dan dalam masa yang sama merancakkan industri kecil dan sederhana Maran.

Selain itu, dari segi tempoh pelaksanaan, majoriti cadangan dalam kategori perancangan dan pembangunan memerlukan tempoh pelaksanaan jangka panjang. Daripada 22 cadangan:

- **18 cadangan:** Jangka Panjang
- **1 cadangan:** Jangka Sederhana
- **3 cadangan:** Jangka Pendek

Ini jelas menunjukkan cadangan yang memerlukan pembangunan sesuatu kawasan akan memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan. Tempoh pelaksanaan yang panjang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti:

- Keperluan penyelarasan di peringkat kerajaan negeri
- Perlukan peruntukan dana yang besar
- Melibatkan koordinasi antara pelbagai agensi pelaksana

Kesimpulannya, usaha untuk memacu sektor ekonomi tempatan dan memperluas peluang pekerjaan kepada penduduk memerlukan perancangan hala tuju pembangunan yang strategik dan jelas. Perancangan pembangunan yang terarah ini merupakan teras utama dalam menjamin kesejahteraan sosioekonomi penduduk setempat serta kelestarian pertumbuhan ekonomi sesuatu kawasan.

Jadual 3: Senarai isu dan cadangan penyelesaian bagi dimensi ekonomi

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGK A MASA
DIMENSI - EKONOMI					
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	Utara	Lumut	Kekurangan peluang ekonomi (pelancongan)	Penjenamaan semula reka bentuk bandar pekan Lumut	Panjang
		Balik Pulau	Potensi Agro & Eko-Pelancongan tidak optimum	Memperkenalkan Durian Balik Pulau dalam Tahun Melawat Malaysia 2026	Pendek
		Padang Rengas	Keperluan sokongan dan pemberdayaan komuniti belia untuk pembangunan jati diri	Membina Kompleks Sukan Belia Daerah Kuala Kangsar	Panjang
				Bantuan dan kelulusan menggunakan bawah jambatan sebagai ruang latihan	Pendek
		Larut	Keterbatasan peluang pekerjaan yang memberi kesan kepada peningkatan ekonomi setempat	Mempergiatkan sektor agro-pelancongan dan eko-pelancongan sebagai sumber pekerjaan dan pendapatan baharu	Panjang
				Mengangkat keunikan destinasi tempatan seperti 7 Lata Air Terjun, Pasar Pagi Sungai Bayor dan Telaga Gergasi sebagai tarikan utama	Panjang
			Infrastruktur untuk kesejahteraan komuniti tempatan termasuk pembangunan ekonomi	Menghidupkan semula cadangan Lebuhraya Jelapang-Selama (JELAS) sepanjang 116 km sebagai usaha memperkukuh jaringan infrastruktur dan rangkaian ekonomi	Panjang

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - EKONOMI					
		Larut	Infrastruktur untuk kesejahteraan komuniti tempatan termasuk pembangunan ekonomi	Pelaksanaan South Kedah Expressway (SPIKE), Lebuhraya Kedah Selatan untuk memperbaiki laluan akses antara Sungai Petani, Kulim dan kawasan lain.	Panjang
				Memajukan Northern Corridor Highway (NCH) yang menjanjikan peningkatan kesalinghubungan antara bandar besar di Utara (Sungai Petani), Kulim International Airport dan ke Perak.	Panjang
	Selatan	Port Dickson	Kemiskinan & kenaikan kos sara hidup	Mewujudkan asrama sekolah harian menggunakan bilik darjah yang tidak digunakan	Pendek
		Jempol	Isu peluang pekerjaan	Kerjasama strategik JAKOA-CIMA-Komuniti dalam tanaman buluh betung sebagai sumber bahan bakar lestari	Panjang
				Mengukuhkan daya beli komuniti melalui peningkatan pendapatan & pekerjaan yang stabil	Pendek
		Sri Gading	Kompleks Niaga Parit Raja tidak memiliki kemudahan selesa	Naik taraf fasiliti niaga & prasarana	Panjang

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - EKONOMI					
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	Selatan	Jasin	Ketidakstabilan pertanian & penternakan	Mengurangkan kebergantungan baja import	Panjang
				Meningkatkan bantuan insentif & geran	Pendek
				Menghasilkan makanan sendiri	Panjang
				Meningkatkan produktiviti melalui kualiti baka	Panjang
	Batu Pahat	Peningkatan kos pertanian & penternakan		Melahirkan penternak mandiri (menyediakan makanan ternakan sendiri)	Panjang
				Menambah pembekal dalam kalangan komuniti	Pendek
	Pantai Timur	Maran	Peluang pekerjaan & ekonomi terhad	Menjadikan Maran sebagai Palm Oil Industrial Cluster (POIC)	Panjang
				Membangunkan industri pelancongan (eko, agro, warisan & budaya)	Panjang
				Merancakkan industri kecil & sederhana Maran	Sederhana

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - EKONOMI					
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	Pantai Timur	Kota Bharu	Peningkatan kos sara hidup (pekerjaan)	Meningkatkan peluang pekerjaan	Panjang
		Pasir Puteh	Kekurangan peluang pekerjaan	Mewujudkan hub perindustrian (pelancongan) & pertanian	Panjang
POLISI DAN DASAR	Pantai Timur	Kota Bharu	Peningkatan kos sara hidup (pendidikan)	Kawalan harga pendidikan swasta & meningkatkan subsidi pendidikan	Panjang
PENGUATKUASAAN	Tengah	Shah Alam	Lambakan peniaga warga asing	Kawalan pelesenan dan pemantauan bersepadu	Pendek
	Selatan	Port Dickson	Kemiskinan & kenaikan kos sara hidup	Jualan rahmah	Pendek
KESEDARAN DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT	Tengah	Sabak Bernam	Cabaran dalam mengembangkan IKS	Memperkasa usahawan	Pendek
	Pantai Timur	Kota Bharu	Peningkatan kos sara hidup (pendidikan & pekerjaan)	Meningkatkan kemahiran berdasarkan teknologi moden	Pendek

Alam Sekitar

Di bawah dimensi alam sekitar, sebanyak 8 isu telah dibincangkan dengan 14 cadangan penyelesaian yang difokuskan kepada dua kategori utama, iaitu perancangan dan pembangunan serta penguatkuasaan.

Dalam kategori perancangan dan pembangunan, sebanyak 6 isu telah dibincangkan dengan 7 cadangan penyelesaian. Empat daripada cadangan penyelesaian ini bersifat jangka panjang. Sebagai contoh, salah satu cadangan di Parlimen Gopeng adalah untuk membina laluan alternatif bagi menangani masalah kesihatan berpunca daripada aktiviti kuari. Pelaksanaan cadangan ini memerlukan jangka masa yang panjang berikutan cabaran dalam proses pengambilan tanah dan keperluan pampasan yang tinggi. Cadangan kedua ialah mewujudkan zon penampian yang dianggarkan memerlukan tempoh pelaksanaan sederhana antara satu hingga tiga tahun. Penubuhan zon penampian ini melibatkan penentuan jarak minimum 600 meter dari kawasan perumahan seperti yang ditetapkan oleh kementerian. Penyediaan ruang hijau sebagai zon penampian amat penting untuk mengurangkan pencemaran udara dan bunyi.

Sementara itu, dua cadangan lain yang dicadangkan ialah penubuhan pasukan petugas khas antara agensi dan pelaksanaan program kesedaran komuniti, yang kedua-duanya dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang daripada satu tahun. Pasukan petugas khas akan memainkan peranan penting dalam memantau aktiviti kuari dan kesannya terhadap kesihatan awam serta alam sekitar, menguruskan aduan penduduk, dan menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari yang melanggar peraturan. Program kesedaran komuniti pula bertujuan untuk mendidik penduduk setempat mengenai kesan aktiviti kuari terhadap kesihatan dan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil.

Secara keseluruhan, pendekatan penyelesaian dalam dimensi alam sekitar menunjukkan gabungan strategi jangka panjang dan jangka pendek yang saling melengkapi bagi menangani isu-isu alam sekitar secara komprehensif dan berkesan.

Jadual 4: Senarai isu dan cadangan penyelesaian bagi dimensi alam sekitar

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - ALAM SEKITAR					
PERANCANGAN & PEMBANGUNAN	Tengah	Hulu Selangor	Pengurusan sampah	Menambah baik infrastruktur kutipan sampah	Sederhana
	Utara	Gopeng	Isu kesihatan impak aktiviti kuari	Pembinaan laluan alternatif	Panjang
				Mewujudkan zon penamparan (<i>buffer zone</i>)	Sederhana
		Lumut	Penerokaan hutan paya bakau	Pembukaan paya bakau perlu merujuk kepada agensi berkaitan	Panjang
	Selatan	Port Dickson	Masalah banjir berterusan	Pelan tebatan banjir	Panjang
		Sri Gading	Fenomena banjir	Program mitigasi banjir, penyelenggaraan longkang dan sungai	Pendek
	Sabah	Tuaran	Masalah perparitan dan penanaman padi tidak teratur	Penyelenggaraan berkala dan membina jajaran pengairan moden	Panjang
POLISI DAN DASAR	Tengah	Hulu Selangor	Pengurusan sampah	Pelaksanaan akta bagi penambahbaikan mekanisme penguatkuasaan	Panjang
KESEDARAN DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT	Utara	Gopeng	Isu kesihatan impak aktiviti kuari	Pelaksanaan program kesedaran komuniti	Pendek

KATEGORI	ZON	PARLIMEN	ISU	CADANGAN	JANGKA MASA
DIMENSI - ALAM SEKITAR					
PENGUATKUASAAN	Utara	Larut	Konflik kehidupan liar yang menjadi kekangan untuk petani dan pekebun	Pelan pengurusan konflik bersepadu dengan kerjasama agensi hidupan liar, pertanian dan komuniti	Panjang
				Operasi kawalan segera (tangkap, pindah, pemandulan atau penghapusan terkawal)	Pendek
				Pemasangan sangkar tangkap di kawasan kritikal	Pendek
				Pemasangan pagar elektrik kekal di kawasan yang luas	Panjang
		Gopeng	Isu kesihatan impak aktiviti kuari	Penubuhan pasukan task force antara-agensi	Pendek



04

Pencapaian Bengkel

> **Kerjasama antara Agensi di Pelbagai Peringkat**

Bengkel ini juga menonjolkan kepentingan kerjasama antara agensi dalam menyelesaikan isu pembangunan. Purata kehadiran adalah seramai 23 orang peserta bagi setiap sesi. Bengkel-bengkel ini berjaya menghimpunkan peserta daripada pelbagai peringkat termasuk wakil agensi daerah, negeri dan persekutuan, rakan solusi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung dengan isu di lapangan.

Wakil agensi turut menekankan bahawa tindakan secara *silo* tidak lagi berkesan, sebaliknya memerlukan pendekatan kolektif. Puan Hidayah dari Bahagian Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar DBKL dalam ucapannya sewaktu Bengkel Pembangunan Kapasiti bagi Parlimen Batu, Seputeh dan Bandar Tun Razak menekankan kepentingan kerjasama antara agensi terutamanya dalam penyediaan laporan *Voluntary Local Reviews (VLR)* bagi mengukur sejauh mana pencapaian sesuatu kawasan dalam pelaksanaan SDG. Menurut beliau juga, pengukuran pencapaian tidak seharusnya hanya bergantung kepada data kuantitatif semata-mata malah perlu mengambil kira data kualitatif seperti impak sebenar projek dan program yang dijalankan oleh agensi bersama komuniti. Oleh itu, perlunya untuk agensi mengenalpasti inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan pelaksanaan SDG.

Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dari segi penglibatan dalam jawatankuasa daerah, di mana sesetengah agensi kurang aktif atau lebih berhati-hati dalam memberi komitmen. Contohnya, terdapat agensi persekutuan atau agensi khusus seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang belum sepenuhnya terlibat dalam jawatankuasa di peringkat daerah. Hal ini menggambarkan perlunya usaha berterusan untuk menggalakkan penglibatan yang lebih inklusif dan menyeluruh bagi memastikan keberkesanan tadbir urus pembangunan tempatan.



> Peserta-peserta yang telah hadir sewaktu Bengkel Pembangunan Kapasiti bagi Parlimen Batu, Seputeh dan Bandar Tun Razak

> Pengiktirafan Modul oleh Agensi Kerajaan Negeri

Antara pencapaian utama bengkel ini ialah apabila pengiktirafan rasmi daripada YBhg. Dato' Hj Mohd Zakuan bin Hj Zakaria, mantan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan). Menurut beliau, modul yang digunakan sepanjang bengkel tersebut sangat interaktif dan memuji kualiti kandungan yang ringkas dan lebih mudah untuk difahami.



> Dato' Hj Mohd Zakuan sedang meneliti kandungan modul bengkel.

Dato' Hj Mohd Zakuan turut mencadangkan agar modul yang sama diguna pakai untuk program latihan untuk kakitangan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di seluruh Pulau Pinang.

Cadangan ini dibuat bagi memastikan kesedaran dan pemahaman mengenai SDG dapat disebarluaskan secara lebih berkesan kepada kakitangan awam negeri, sekaligus memperkukuh pelaksanaan agenda pembangunan mampan di peringkat akar umbi.

> Menyumbang kepada Perbincangan Dasar di Peringkat Kerajaan Tempatan

Penganjuran bengkel juga telah menyumbang kepada perbincangan dasar sedia ada di peringkat kerajaan tempatan. Di Parlimen Shah Alam, antara isu utama yang dibincangkan ialah mengenai kereta terabai yang mengganggu lalu lintas dan ketenteraman awam. Keluasan depoh yang amat terhad dan prosedur operasi standard yang panjang untuk pelupusan menyebabkan isu ini berlarutan lama. Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 133) merupakan akta sedia ada yang digunapakai pihak PBT yang mana dinyatakan sebarang pelupusan kenderaan (fizikal dan rekod) hanya boleh dilaksanakan sama ada dengan Perintah Mahkamah atau secara sukarela oleh pemilik kenderaan dan bukan sekadar secara notis.

Oleh itu, cadangan untuk mengurangkan tempoh penggunaan kenderaan kepada 15 tahun telah diutarakan dengan tujuan utama untuk memendekkan tempoh pengurusan pelupusan kenderaan terbiar terutamanya di peringkat mahkamah bagi pelucutan hak.

Menghubungkan Antara Agensi

Program ini turut berfungsi sebagai jambatan penghubung antara agensi, komuniti, dan pihak berkuasa tempatan. Melalui platform bengkel, jurang komunikasi yang wujud dapat dikurangkan, membolehkan maklumat dapat disampaikan dengan lebih mudah dan isu dapat diselesaikan dengan lebih tuntas.

Sebagai contoh, sewaktu bengkel yang telah dijalankan di Parlimen Pasir Puteh, isu kekurangan peluang pekerjaan telah menjadi topik utama perbincangan. Penghulu menyatakan peluang pekerjaan di kawasan tersebut agak terhad menyebabkan ramai belia berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan pekerjaan. Di pihak lain, wakil PERKESO menjelaskan bahawa sebenarnya banyak peluang pekerjaan yang tersedia, namun pihaknya menghadapi kesukaran untuk menarik penyertaan lebih ramai masyarakat tempatan walaupun telah menguar-uarkan perkara tersebut melalui platform media. Melihat situasi ini, para penghulu tampil menawarkan bantuan untuk membuat hebahan kepada penduduk setempat memandangkan mereka lebih hampir dengan penduduk. Hasil kerjasama ini telah memudahkan proses penyaluran maklumat peluang pekerjaan serta meningkatkan penyertaan masyarakat tempatan dalam program PERKESO seperti karnival kerjaya.

Di Parlimen Jempol pula, isu yang sama turut dibincangkan. Wakil syarikat swasta tampil berkongsi keperluan khusus mereka untuk mendapatkan tenaga kerja yang boleh mengusahakan penanaman buluh betong sebagai sumber bahan bakar alternatif bagi kilang mereka. Pihak mereka boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat namun memerlukan tenaga kerja yang komited.

Mendengar perkongsian ini, wakil Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang berasal dari komuniti Orang Asli melihat peluang besar untuk membantu masyarakat Orang Asli yang tinggal berdekatan kawasan kilang tersebut. Beliau mengusulkan penglibatan langsung komuniti Orang Asli dalam projek ini, memandangkan mereka memiliki kemahiran pertanian dan tanah yang sesuai untuk mengusahakan aktiviti tersebut. Wakil Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang turut hadir menyambut baik cadangan ini dan menyatakan komitmen penuh untuk memudahkan pelaksanaannya.

Dua kisah di atas menunjukkan contoh terbaik bagaimana kerjasama antara agensi kerajaan dan pihak berkepentingan boleh membawa manfaat langsung kepada penduduk.

> Menepati Keperluan Kawasan

Beberapa kawasan Parlimen yang terlibat dalam gerak kerja APPGM-SDG tahun ini turut sama terlibat dalam penyediaan Laporan Semakan Tempatan (VLR). VLR berfungsi sebagai alat untuk mengukur kemajuan pihak PBT dalam penyetempatan 17 matlamat SDG sekaligus mempercepatkan proses penyetempatan agenda global ini ke peringkat tempatan. Mesyuarat Majlis SDG Negara pada 6hb September 2022 telah bersetuju agar sekurang-kurangnya satu daerah atau bandar disetiap negeri akan menyediakan VLR dalam tempoh 2022-2030.

Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, modul bengkel pembangunan kapasiti di kawasan terlibat telah diubah suai khas supaya dapatan dan hasil perbincangan dapat disalurkan secara langsung untuk menyokong penyediaan VLR.

Shah Alam dan Wilayah Kuala Lumpur merupakan 2 kawasan awal perintis telah melaksanakan VLR masing-masing pada tahun 2021 dan 2022. Bengkel yang telah jalankan banyak membantu dalam penyediaan semula laporan ini dan pada masa yang sama membolehkan pihak PBT mendapatkan kerjasama daripada agensi kerajaan, terutamanya di peringkat negeri untuk terlibat secara langsung dalam penyediaan laporan ini.

Berikut adalah senarai 10 kawasan yang terlibat dalam penyediaan VLR mengikut tahun pelaksanaan

2025

- Jempol
- Batu Pahat
- Padang Terap
- Kota Bharu
- Besut

2023-2024

- Port Dickson
- Jasin
- Sabak Bernam

2021-2022

- Shah Alam
- Wilayah Kuala Lumpur



> Pembentangan yang oleh wakil agensi sewaktu bengkel di Parlimen Shah Alam.



05

Cabaran
Bengkel



***"Kalau tak ada halangan,
mana ada kisah menarik"***



#1 Penglibatan Agensi yang Rendah

Meskipun bengkel-bengkel pembangunan kapasiti SDG berjaya menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan, tahap penglibatan agensi yang masih rendah dikenal pasti sebagai antara cabaran utama yang perlu ditangani.

Struktur perjalanan program telah dirancang dengan teliti, bermula dengan sesi meningkatkan kesedaran mengenai SDG dalam kalangan agensi, diikuti perbincangan mendalam mengenai isu-isu yang telah dibentangkan semasa sesi libat urus beberapa minggu sebelumnya di Pejabat Daerah.

Namun demikian, terdapat beberapa agensi penting yang tidak dapat hadir atas pelbagai faktor termasuk:

- Kekangan masa dan jadual kerja yang padat
- Keutamaan tugas lain yang dianggap lebih mendesak
- Pertindihan jadual dengan program lain di jabatan masing-masing

Situasi ini menyebabkan perbincangan menjadi kurang menyeluruh serta menjejaskan kesinambungan input yang sepatutnya diperoleh daripada semua pihak. Terdapat juga beberapa isu yang tidak dapat dibincang kerana tiada agensi utama.

Jemputan pada saat akhir oleh wakil pegawai di agensi yang bertanggungjawab menghubungi agensi menyebabkan agensi lain tidak dapat membuat persediaan kerana masa notis yang pendek.



#2 Persepsi dan Tahap Pemahaman terhadap SDG

Cabaran seterusnya berkait dengan persepsi dan tahap pemahaman agensi terhadap SDG. Segelintir agensi yang terlibat secara langsung dengan penyediaan laporan VLR dan inisiatif SDG kebiasaannya memahami SDG dengan lebih mendalam berbanding agensi yang tidak terlibat. Keadaan ini menimbulkan jurang perbezaan tahap pemahaman dalam kalangan peserta, kerana agensi yang sudah memahami SDG cenderung beranggapan semua agensi memahami SDG dan penjelasan lanjut tidak diperlukan.

Maklum balas peserta menunjukkan yang sebaliknya. Terdapat wakil agensi yang menyatakan bahawa mereka tidak memahami SDG apabila sesi penjelasan asas SDG itu tidak dilaksanakan atas permintaan agensi lain. Tambahan itu, jawapan peserta sewaktu kuiz Kahoot turut menyokong kenyataan itu.

Cabaran ini menuntut pendekatan fasilitasi yang lebih inklusif supaya semua pihak, tanpa mengira tahap pengetahuan, dapat memahami konteks SDG dengan jelas.



> Kuiz Kahoot yang dijalankan untuk menilai tahap pemahaman peserta terhadap SDG.




#3 Kefahaman terhadap Istilah Teknikal

Kefahaman terhadap istilah teknikal dan prosedur berkaitan pembangunan dikenal pasti sebagai antara cabaran utama yang menghalang komunikasi berkesan dalam bengkel pembangunan kapasiti, terutamanya apabila melibatkan peserta daripada latar belakang agensi yang berbeza.

Sebagai contoh, tidak semua peserta mempunyai pemahaman yang sama terhadap istilah teknikal seperti *Environmental Impact Assessment (EIA)*. EIA merupakan kajian penting untuk menilai kesan positif dan negatif sesuatu projek pembangunan terhadap alam sekitar, kesihatan manusia dan ekonomi. Agensi yang kebiasaannya memahami keperluan pelaksanaan EIA ialah agensi teknikal yang terlibat dalam proses Kebenaran Merancang (KM) seperti Pejabat Daerah, PBT, JKR, SWCorp, JAS dan TNB. Agensi yang tidak terlibat secara langsung dalam perancangan pembangunan seperti Jabatan Perikanan, AADK dan Jabatan Pendidikan sering menghadapi kesukaran untuk memahami perbincangan teknikal menyebabkan perbincangan menjadi tidak menyeluruh.

Sebagai langkah penambahbaikan, kaedah pelaksanaan bengkel telah disusun semula dengan menekankan keperluan mengenal pasti agensi yang benar-benar relevan mengikut isu. Pendekatan ini memastikan agensi berkaitan berkaitan dijemput, sekali gus menjadikan perbincangan lebih fokus, mudah difahami, dan berkesan.



06

Penutup

LANGKAH KEDEPAN

Pelaksanaan Bengkel Pembangunan Kapasiti sepanjang Januari hingga September 2025 membuktikan bahawa keberhasilan sesuatu inisiatif pembangunan bergantung kepada peranan padu antara pihak berkuasa dan komuniti. Dalam konteks ini, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berfungsi sebagai pemacu utama dalam menggerakkan perancangan di peringkat akar umbi. Keupayaan kedua-dua institusi ini untuk merancang, menyelaraskan dan melaksanakan agenda pembangunan tempatan menjadi asas kepada penyelarasan dengan hala tuju negeri serta dasar kerajaan.

Pendekatan bawah-atas yang diterapkan melalui bengkel ini turut memperlihatkan kepentingannya dalam merangka perancangan yang lebih inklusif. Dengan mengangkat suara komuniti setempat, isu sebenar dapat dikenalpasti secara lebih tepat termasuk cabaran harian yang dihadapi oleh kumpulan sasar. Hasil daripada pendekatan ini, perancangan yang dibentuk bukan sahaja bersifat reaktif, malah lebih proaktif dalam menjawab keperluan semasa serta memanfaatkan potensi tempatan.

Dalam masa yang sama, faktor ketersediaan dan penglibatan sukarela komuniti menjadi penentu utama kepada kelangsungan projek pembangunan. Apabila komuniti terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan,

tahap pemilihan terhadap projek atau penyelesaian meningkat. Ini memastikan inisiatif yang dirancang tidak terhenti di peringkat perancangan semata-mata, sebaliknya mampu dilaksanakan dengan jayanya dan dikekalkan dalam jangka masa panjang.

Sehubungan itu, kerjasama antara agensi kerajaan, PBT, PDT, komuniti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor akademik perlu terus diperkukuhkan. Saling melengkapi kepakaran, sumber dan jaringan antara pihak berkepentingan dapat memperkukuh daya tahan serta keberkesanan projek yang dirancang. Sinergi ini juga akan menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan inklusif, seimbang dan mampan di peringkat daerah dan negeri.

Oleh itu, langkah ke hadapan yang dicadangkan adalah untuk memperkukuh mekanisme penyelarasan di peringkat tempatan, memperluas ruang libat urus dengan komuniti, serta menginstitusikan pendekatan bawah-atas dalam semua peringkat perancangan. Dengan cara ini, projek pembangunan tidak hanya selari dengan dasar negeri dan persekutuan, tetapi juga mencerminkan keperluan sebenar masyarakat setempat.



MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAK

06

Bermula dari _____, negara _____

_____ matlamat yang dikaitkan antara satu sama lain

_____ sasaran; _____ indikator

KALAPA SDG PENTING UNTUK KITA

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

Kerjasama

07

Lampiran

Agensi PESD K

Agensi PESD KB

Tindakan

Haris Sulu

Negara

Pelvis

Darusan

K

SD

SD

SD

SD

SD

SD

SD

LAMPIRAN A

ZON UTARA

Jadual 5: Senarai agensi yang hadir bagi Zon Utara

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
1.	Kuala Kedah	1. Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) 2. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) 3. Syarikat Air Darul Aman (SADA) 4. Jabatan Alam Sekitar 5. Ibu Pejabat Polis Kota Setar 6. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kota Setar 7. Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) 8. Pejabat Kesihatan Daerah 9. Pejabat MARA Daerah 10. Pejabat Belia Dan Sukan 11. Pejabat Veterinar 12. Pejabat Perikanan 13. Pejabat Antidadah Kebangsaan (AADK) 14. Pejabat Daerah dan Tanah 15. Penghulu Mukim Telok Kechai/Chengai/Pengkalan Kundor 16. Penghulu Mukim Kuala Kedah 17. Penghulu Mukim Sala Kechil 18. Penghulu Mukim Mergong 19. Penghulu Mukim Kubang Rotan / Sungai Baru 20. Penghulu Mukim Padang Lalang 21. Penghulu Mukim Padang Hang 22. Penghulu Mukim Titi Gajah 23. Penghulu Mukim Gunong 24. Pejabat Ahli Parlimen Kuala Kedah 25. Pejabat ADUN Kubang Rotan 26. Pejabat ADUN Anak Bukit 27. Pejabat ADUN Pengkalan Kundor

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
2	Padang Terap	1. Pejabat Daerah & Tanah Padang Terap 2. Majlis Daerah Padang Terap 3. Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Terap 4. Pejabat Kesihatan Daerah Padang Terap 5. Pejabat Bomba dan Penyelamat Padang Terap 6. Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Padang Terap 7. FELDA Lubuk Merbau 8. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Padang Terap 9. Pejabat Pendidikan Daerah Padang Terap 10. Imigresen Kota Putra 11. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kuala Nerang 12. RISDA Daerah Padang Terap 13. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) 14. Pejabat Perikanan Daerah Padang Terap 15. KPDN Cawangan Negeri Kedah 16. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah 17. Pejabat Pengurus Besar FELCRA Berhad Utara 18. Jabatan Perhutanan Negeri Kedah 19. FELDA Bukit Tembaga 20. Jabatan Perhilitan Negeri Kedah
3	Balik Pulau	1. Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat 3. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) 4. Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau 5. Pejabat Kesihatan Daerah 6. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Barat Daya 7. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya 8. Majlis Bandaraya Pulau Pinang 9. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) 10. Jabatan Pengairan dan Saliran Barat Daya 11. Majlis Amanah Rakyat (MARA) 12. Jabatan Perikanan 13. Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
4	Lumut	1. Pejabat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, Negeri Perak 2. Tourism Perak Management Berhad 3. Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak 4. Majlis Perbandaran Manjung 5. Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung 6. Pejabat Polis Dearah Manjung 7. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Manjung 8. Pejabat Perikanan Daerah Manjung 9. Pejabat MARA Daerah Manjung 10. Pejabat Daerah dan Tanah Manjung 11. Pejabat Parlimen Lumut
5	Gopeng	1. Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Gopeng 2. Pejabat Daerah dan Tanah, Kampar 3. Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah 4. Majlis Dearah Kampar 5. Majlis Daerah Batu Gajah 6. Ibu Pejabat Daerah (IPD), Batu Gajah 7. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 8. Jabatan Pertanian Daerah Kinta dan Kampar 9. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) 10. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) 11. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) 12. Pejabat PERHILITAN Daeah Kinta 13. Penghulu dari pelbagai Mukim
6	Padang Rengas	1. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar 2. Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Kangsar 3. Jabatan Pengairan Dan Saliran Kuala Kangsar 4. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 5. Pertubuhan Pergerakan Amal Bakti 6. Kelab Rengas Muay 7. Pejabat Pertanian Kawasan Padang Rengas 8. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar 9. Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah (RISDA) 10. Pejabat Penghulu Mukim Kota Lama Kiri

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
7	Larut	1. Pejabat Daerah dan Tanah Selama 2. Perak Investment Management Centre 3. Pusat GIATMARA Larut 4. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 5. Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah (RISDA) 6. Pejabat Pertanian Daerah Larut, Matang dan Selama 7. Majlis Daerah Selama 8. Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang 9. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Selama 10. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) 11. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Larut, Matang dan Selama 12. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) 13. Majlis Amanah Rakyat (MARA) 14. Majlis Perbandaran Taiping 15. Jabatan Kerja Raya Daerah Larut, Matang dan Selama

ZON TENGAH

Jadual 6: Senarai agensi yang hadir bagi Zon Tengah.

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
8	Seputeh	1.Ageni Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sentul 2.Ageni Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Brickfields 3.Jabatan Kawalan Bangunan DBKL 4.Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 5.Jabatan Pendidikan Kuala Lumpur 6.Jabatan Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur 7.Pejabat Kesihatan Cheras 8. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPNIN WPKL) 9.Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar DBKL 10.Indah Water Konsortium (IWK) 11.Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta 12.Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 13.Kementerian Perpaduan Negara (KPN) 14.Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi 15.Unit Bandar Pintar dan SDG 16.Jabatan Kawalan Bangunan DBKL 17.Pejabat Parlimen Seputeh
9	Batu	
10	Bandar Tun Razak	
11	Shah Alam	1. Ahli Majlis (Zon 5, Zon 8 dan Zon 12) 2. Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor 3. Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor 4. Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Selangor 5. Majlis Bandaraya Shah Alam

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
12	Sabak Bernam	1.Bomba dan Penyelamat Sabak Bernam 2.Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sabak Bernam 3.Perbadanan Adat dan Melayu Negeri Selangor (PADAT) 4.Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Sabak Bernam 5.Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam 6.Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam 7.Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Sabak Bernam 8.Jabatan Pertanian Sabak Bernam 9.Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam 10.Majlis Daerah Sabak Bernam 11.Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd 12.Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam 13.FAMA Sabak Bernam 14.Pejabat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Negeri Selangor 15.Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam 16.Jabatan Kerja Raya Sabak Bernam
13	Hulu Selangor	1.Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor (PKD) 2.Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor 3.Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor 4.Ageni Antidadah Kebangsaan (AADK) Hulu Selangor 5.Pejabat Felda Sungai Tenggi 6.Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Selangor 7.FELDA Gedangsa 8.FELDA Soeharto 9.Pengurusan Air Selangor 10.Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor 11.Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) 12.Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Selangor 13.Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor

ZON PANTAI TIMUR

Jadual 7: Senarai agensi yang hadir bagi Zon Pantai Timur.

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
14	Kota Bharu	1. Pusat Khidmat DUN Kota Lama 2. Jabatan Belia dan Sukan Kota Bharu 3. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 4. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 5. Jabatan Pertanian Kota Bharu 6. Jabatan Kerja Raya Kota Bharu 7. Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Kota Bharu 8. Majlis Perbandaran Kota Bharu 9. Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Kota Bharu 10. Pusat Khidmat Parlimen Kota Bharu 11. Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu 12. Pusat Khidmat Parliman Bunut Payong
15	Pasir Puteh	1. Pejabat Perikanan Daerah 2. Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Kelantan 3. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan Pasir Puteh 4. Agensi Antidadah Kebangsaan Pasir Puteh 5. Pejabat Pertanian Jajahan Pasir Puteh 6. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh 7. Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh 8. Jabatan Perhilitan 9. Pusat Khidmat Parlimen Pasir Puteh 10. Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK Kelantan 11. Majlis Daerah Pasir Puteh 12. Air Kelantan Sdn Bhd 13. Persatuan Kontraktor Melayu Kelantan

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
16	Besut	1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 2. Jabatan Pendaftaran Daerah Besut 3. Pejabat Daerah dan Tanah Besut 4. Pejabat Pertanian Daerah Besut 5. Jabatan Kerja Raya (JKR) 6. Pejabat Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Besut 7. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
17	Maran	1. Pejabat Daerah dan Tanah Maran 2. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Maran 3. Pejabat Perikanan Daerah Maran 4. Pejabat Pertanian Daerah Maran 5. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Daerah Maran 6. Majlis Daerah Maran 7. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Maran 8. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Maran 9. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 10. Pejabat Penghulu Mukim Luit 1

ZON SELATAN

Jadual 8: Senarai agensi yang hadir bagi Zon Selatan

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
18	Batu Pahat	1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 2. Angkatan Pertahanan Awam (APM) Batu Pahat 3. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 4. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 5. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 6. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia 7. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 8. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 9. ADTEC JTM Kampus Batu Pahat Johor
19	Sri Gading	10. Institut Pertanian Ayer Hitam 11. TEKUN Nasional 12. Pejabat Daerah Batu Pahat 13. Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat 14. Pusat Khidmat Ahli Parlimen Sri Gading 15. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia 16. Jabatan Pertanian 17. JAKOA Batu Pahat 18. JAKOA Pontian 19. Jabatan Alam Sekitar Batu Pahat
20	Jempol	1. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol 2. Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol 3. Agensi Anti Dadah Kebangsaan 4. Pejabat Pendidikan Daerah 5. Jabatan Kerja Raya 6. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 7. Jabatan Kebajikan Masyarakat 8. Jabatan Pengairan dan Saliran Jempol 9. Angkatan Pertahanan Awam 10. Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA) 11. Negeri Sembilan Cement Industries Sdn Bhd (NSCI)

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
21	Port Dickson	1. Pusat Khidmat Rakyat Port Dickson 2. ADUN Linggi 3. Pejabat Daerah dan Tanah, Port Dickson 4. Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) 5. Ibu Pejabat Daerah Port Dickson (IPD) 6. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 7. Jabatan Pertanian Daerah 8. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) 9. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 10. Pejabat Veterinar 11. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) 12. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 13. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) 14. Penghulu Kampung Pengkalan Durian
22	Jasin	1. Pejabat Daerah dan Tanah Jasin 2. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka 3. Angkatan Pertahanan Awam Daerah Jasin 4. Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Jasin 5. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 6. Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Alor Gajah dan Jasin 7. Pejabat Pendidikan Daerah Jasin 8. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Melaka 9. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka 10. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Jasin 11. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) 12. Majlis Perbandaran Jasin 13. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Jasin 14. Jabatan Pertanian Negeri Melaka 15. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jasin 16. Jabatan Agama Islam Melaka 17. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

WILAYAH SABAH

Jadual 9: Senarai agensi yang hadir bagi Wilayah Sabah.

BIL	PARLIMEN	AGENSI TERLIBAT
21.	Putatan	1.Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Kota Kinabalu 2.Mahkamah Anak Negeri 3.Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) Bandaraya 4.Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat N23 Petagas 5.Polis Diraja Malaysia (PDRM) 6.Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 7.Taman Hidupan Liar Lok Kawi 8.Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 9.Jabatan Air Negeri Sabah 10.Jabatan Pengairan dan Saliran Penampang 11.UPPM N22 Tanjung Aru 12.UPPM N24 Tanjung Keramat 13.Majlis Daerah Putatan 14.Koperasi Usahawan Nelayan Sabah Berhad 15.Social Farming Enterprise 16.Comfort Aged Care Group Plt 17.Integrated Care Management Sdn Bhd 18.Kanaan Home
22.	Tuaran	1.Pejabat Kebajikan Daerah Kecil Tamparuli 2.Pejabat Kebajikan Daerah Tuaran 3.Jabatan Air Tuaran 4.Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran 5.Pejabat Daerah Tuaran 6.Jabatan Pertanian Tuaran 7.Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAINS) Tuaran 8.Mahkamah Anak Negeri Tuaran 9.Pejabat Kebajikan Daerah Tuaran 10.Ageni Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Tuaran 11.UPPM N13 Pantai Dalit, Tuaran

LAMPIRAN B

AKRONIM

BIL	AKRONIM	NAMA PENUH
A		
1	AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
2	ADTEC JTM	<i>Advanced Technology Training Centre</i> , Jabatan Tenaga Manusia
3	AET	Aktiviti Ekonomi Tambahan
4	AIR	Ahli Isi Rumah
5	APM	Angkatan Pertahanan Awam
6	APPGM-SDG	<i>All-Party Parliamentary Group Malaysia - Sustainable Development Goals</i> (Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia - Matlamat Pembangunan Lestari)
C		
7	CIMA	Cement Industries of Malaysia Berhad
D		
8	DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
E		
9	EIA	<i>Environmental Impact Assessment</i> (Penilaian Kesan terhadap Alam Sekitar)
10	EM	<i>Effective Microorganisms</i>
F		
11	FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i> (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)
H		
12	HDPE	<i>High Density Polyethylene</i>

BIL	AKRONIM	NAMA PENUH
I		
13	ICU JPM	Implementasi dan Penyelarasan Unit, Jabatan Perdana Menteri
14	IKS	Industri Kecil dan Sederhana
15	IPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
J		
16	JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
17	JAS	Jabatan Alam Sekitar
18	JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat
19	JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
20	JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
21	JKR	Jabatan Kerja Raya
22	JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
K		
23	KM	Kebenaran Merancang
24	KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
25	KPK	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
26	KIR	Ketua Isi Rumah
27	KRPPM	Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
L		
28	LED	<i>Light-Emitting Diode</i>
29	LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
30	LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
31	LPNPP	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

BIL	AKRONIM	NAMA PENUH
32	LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
J		
33	MADA	<i>Muda Agricultural Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda)
34	MARA	Majlis Amanah Rakyat
35	MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor
36	MPJ	Majlis Perbandaran Jasin
N		
37	NGO	<i>Non-Governmental Organization</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
38	NSCI	Negeri Sembilan Cement Industries Sdn Bhd
P		
39	PADAT	Perbadanan Adat dan Melayu Negeri Selangor
40	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
41	PDRM	Polis Diraja Malaysia
42	PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
43	PDK	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
44	PERDA	<i>Penang Regional Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang)
45	PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
46	PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
47	POIC	<i>Palm Oil Industrial Cluster</i>
48	PPR	Program Perumahan Rakyat
49	PPS	Pegawai Perhubungan Sekolah

BIL	AKRONIM	NAMA PENUH
R		
50	RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority (Lembaga Kemajuan Perusahaan Getah)</i>
51	RSPD	Rakan Strategik Pelancongan Daerah
52	RTB	Rancangan Tebatan Banjir
S		
53	SADA	Syarikat Air Darul Aman
54	SDG	<i>Sustainable Development Goals</i> (Matlamat Pembangunan Mampan)
55	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
56	SWCorp	<i>Solid Waste Corporation</i>
T		
57	TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
58	TNB	Tenaga Nasional Berhad
U		
59	UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
60	UPPM	Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat
61	UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
V		
62	VLR	<i>Voluntary Local Reviews</i> (Laporan Semakan Tempatan)

Buku *Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan: Bengkel Pembangunan Kapasiti 2025* ini menyimpulkan hasil pelaksanaan bengkel pembangunan kapasiti yang telah dijalankan di **24 kawasan Parlimen** terpilih di bawah gerak kerja APPGM-SDG dari **Januari hingga September 2025**. Bengkel ini menghimpunkan wakil agensi kerajaan peringkat negeri dan persekutuan, penyelidik, serta penyelaras tempatan APPGM-SDG bagi membincangkan isu-isu kritikal bagi pembangunan mampan di peringkat tempatan.

Sebanyak 39 isu telah dibincangkan dan dikategorikan mengikut tiga dimensi utama SDG, iaitu sosial, alam sekitar dan ekonomi. Melalui perbincangan berstruktur, bengkel ini berjaya mewujudkan rasa pemilikan bersama dalam kalangan peserta untuk penyelesaian isu tempatan. Cadangan dan hasil perbincangan ini akan diangkat ke peringkat dasar dan tatakelola bagi merangka intervensi yang lebih berkesan, inklusif dan mampan.

Buku ini bukan sekadar dokumen yang mencatatkan dapatan, tetapi menjadi panduan untuk penambbaikan dasar perancangan pembangunan yang berorientasikan keperluan rakyat. Di harapkan agar dapatan buku ini dapat menjadi pemangkin kepada inisiatif-inisiatif baru di peringkat tempatan dalam menyelesaikan isu-isu sedia ada tanpa meminggirkan mana-mana komuniti rentan.



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)



A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8 Petaling Jaya,
46050 Petaling Jaya, Selangor



secretariat@appgm-sdg.com



<https://appgm-sdg.com/>



<https://www.facebook.com/APPGMSDGMV/>